

# ELSA 2023

## e-Proceeding



**3RD INTERNATIONAL  
CONFERENCE ON  
EDUCATION AND  
LANGUAGE FOR  
STUDENTS & ADULT  
LEARNERS (ELSA)**

*“Digital  
Transformation in  
Language and  
Education”*

**25 - 26  
OCTOBER  
2023**

**ORGANISED BY  
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERAK BRANCH**

# ELSA 2023 e-Proceeding

3rd International Conference on Education and  
Languages for Students and Adult Learners (ELSA)

*"Digital Transformation in Language and Education"*



Organised by:

**Academy of Language Studies**  
**Universiti Teknologi MARA Perak Branch**

**Published by:**

Unit Penerbitan UiTM Perak

**Address:**

Unit Penerbitan UiTM Perak,  
Research, Industrial Linkages, Community, and Alumni Network Office,  
Universiti Teknologi MARA Perak Branch,  
32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

05-3742710

uitmperakpress@gmail.com

**© Unit Penerbitan UiTM Perak, UiTM 2023**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission in writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No e-ISBN: 978-967-2776-23-9



Cover Design : Norasyikin Abdul Malik

Typesetting : Dr. Nor Ashikin Ab Manan

## **EDITORIAL BOARD**

### **Editor-in-Chief**

Dr. Nor Ashikin Ab. Manan

### **Editors**

Mohamad Syafiq Ya Shak

Zarlina Mohd Zamari

Sheema Liza Idris

Prof. Madya Dr. Puteri Rohani Megat Abdul Rahim

Dr. Nuramira Anuar

Farahidatul Akmar Awaluddin

Dr. Paul GnanaSelvam a/I Pakirnathan

Mr. F. Peter a/I G. Francis

Dr. Nor Nadia Raslee

Norasyikin Abdul Malik

Noorlinda Alang

Wan Faridatul Akma Wan Mohd Rashdi

Nurul Ain Hasni

***The 3rd International Conference on Education and  
Language for Students and Adult Learners (ELSA)  
e-Proceeding***

*Organised by,*

***Academy of Language Studies,***

***Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak Branch***

## KEPERLUAN ELEMEN MEDIA DALAM APLIKASI KOSA KATA BAHASA ARAB MUFRADATI PELAJAR UiTM

Muhamad Khairul Anuar Zulkepli\*<sup>1</sup>, Mohd Zulkhairi Abd Hamid<sup>2</sup>, Burhanuddin Wahab<sup>3</sup>, Ahmad Fauzi Yahaya<sup>4</sup>, dan Norhayuza Mohamad<sup>5</sup>

<sup>1, 2, 3, 4</sup> Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Merbok, MALAYSIA.

*mkaz@uitm.edu.my*  
*mzulkhairi@uitm.edu.my*  
*burhan053@uitm.edu.my*  
*fauzi559@uitm.edu.my*

<sup>5</sup> Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Shah Alam, MALAYSIA.

*norha571@uitm.edu.my*

### Abstract

Technology-based learning is a learning process that adapts elements or concepts of technology. It is growing in today's world of learning, especially Arabic vocabulary learning, which is diversified through many platforms and technologies such as applications, e-learning and others. The emergence of a prototype application can create a sense of interest and motivation towards learning Arabic vocabulary, especially at UiTM Kedah. This is because the mastery of the Arabic vocabulary of UiTM Kedah students has yet to reach the required level. To help those students, a creative or innovative idea needs to be contributed more by the current generation that is more technological. Thus, this study aims to analyse the needs of media elements in an Arabic vocabulary application to be developed at UiTM Kedah. This study is a quantitative study that adapts a questionnaire as the primary source of data. A total of 144 students who took the Arabic language subject code TAC401 (Introductory Arabic Part I) were made respondents. The collected data was analysed using SPSS version 28 software to measure respondents' needs. The study's findings show a high interpretation of the needs of media elements for the application that wants to be developed. The study's implication supports learning Arabic vocabulary through an application as a flexible learning aid that UiTM Kedah students can use.

**Keywords:** Need, element, vocabulary, *mufradati*, student.

### PENGENALAN

Teknologi masa kini hadir dalam pelbagai bentuk. Di antaranya ialah teknologi berkonsepkan aplikasi. Kemunculan aplikasi mudah alih bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Percambahan aplikasi ini menandakan perkembangan teknologi yang semakin maju dalam kehidupan.

Salah satu bidang pengajian di mana teknologi boleh diaplikasikan adalah pembelajaran bahasa khususnya melibatkan penggunaan kosa kata melalui aplikasi android. Penggunaannya semakin popular di kalangan golongan muda yang lebih mesra dengan dunia aplikasi di dalam telefon pintar. Pemanfaatan

aplikasi ini diperluaskan lagi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang boleh dibangunkan di institusi pengajian. Hal ini menepati pandangan Ewais dan Troyer (2019) bahawa salah satu kaedah untuk memudahkan proses yang abstrak dan kompleks ialah melalui adaptasi aplikasi mudah alih. Aplikasi mudah alih dianggap sebagai satu nilai tambah kepada pembelajaran berbentuk klasik seperti buku teks, nota dan seumpamanya.

Azzikri (2019) ada menyatakan bahawa perkembangan teknologi canggih masa kini mendorong para pendidik dan pelajar supaya lebih memahami teknologi sebagai usaha meningkatkan mutu pendidikan. Salah satu instrumen pengajaran yang baik, efektif dan mengikuti perkembangan teknologi terkini dalam pembelajaran ialah dengan mengaplikasikan media sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dapat difahami tentang kepentingan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran pada era modenisasi ini. Kehadiran teknologi dapat dimanfaatkan dalam dunia pengajaran dan pembelajaran dalam apa jua bidang sekalipun yang terus berkembang tanpa titik noktah.

Nur (2022) berpendapat bahawa sesebuah aplikasi boleh dipraktikkan sebagai alat bantu mengajar dalam bahasa Arab. Papan putih dan dakwat dilihat kurang efektif dalam membantu peningkatan kosa kata. Alat bantu mengajar yang efektif dapat meningkatkan kemahiran bahasa Arab. Pandangan Nur (2022) disokong oleh Hapsari dan Zulherman (2021) yang berpendapat bahawa kosa kata ialah elemen terpenting dalam penguasaan bahasa Arab. Seorang guru perlu mempunyai pendekatan khusus dalam pembelajaran bahasa Arab untuk meningkatkan kosa kata para pelajar. Antara media yang boleh dipraktikkan ialah Canva yang merupakan aplikasi reka bentuk grafik dalam talian. Ia boleh digunakan sebagai bahan bantu pembelajaran seperti poster, video, media sosial, pembentangan dan lain-lain. Husain dan Mohamad (2020) mengatakan bahawa isu saiz kosa kata ialah isu penguasaan bahasa Arab. Permasalahan ini turut menjadi masalah pelajar-pelajar UiTM yang menjadi perbincangan di kalangan ahli akademik. Mereka sukar berkomunikasi disebabkan kelemahan kosa kata bahasa Arab.

Berlandaskan pernyataan yang diutarakan ini, jelas bahawa tahap kosa kata bahasa Arab di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi berada di tahap kurang memuaskan. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran kosa kata Arab perlu dijalinakan dengan elemen-elemen teknologi selari dengan perkembangan zaman. Permasalahan ini turut berlaku di kalangan pelajar UiTM Kedah khususnya aspek kosa kata bahasa Arab dan senario ini perlu ditangani menggunakan pendekatan teknologi. Tinjauan awal terhadap pelajar UiTM menunjukkan kecenderungan mereka menjurus kepada pembelajaran berunsurkan teknologi. Pembelajaran kosa kata Arab menjadi lebih menyeronokkan dengan elemen teknologi dan ini menjurus ke arah keperluan membangunkan aplikasi kosa kata bahasa Arab komunikasi *Mufradati* yang dapat dimanfaatkan bersama.

## **METODOLOGI**

Data-data dalam kajian ini diperoleh daripada hasil soal selidik. Soal selidik tersebut diadaptasi daripada pengkaji lepas oleh Nurahimah and Muhammad

(2016) yang telah diubah suai. Soal selidik ini telah dipastikan kesahannya terlebih dahulu dengan bantuan pakar sebelum diedarkan. Soal selidik ini menggunakan skala Likert iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = Neutral, 4 = setuju, dan 5 = sangat setuju. Item-item di dalam soal selidik ini terdiri daripada tiga (3) bahagian iaitu bahagian A melibatkan demografi. Bahagian B adalah berkaitan dengan kemudahan capaian internet dan bahagian C pula berkaitan dengan keperluan terhadap kandungan yang dimuatkan di dalam aplikasi kosa kata ini. Sebanyak 144 orang pelajar yang mengambil kod kursus bahasa Arab TAC401 (*Introductory Arabic Part 1*) di UiTM Kedah dipilih secara rawak mudah. Saiz sampel ini berpandukan kepada penentuan saiz yang digariskan oleh Krejcie & Morgan (1970). Proses pengumpulan data melibatkan 3 peringkat:

**Jadual 1.** Kaedah pengumpulan data

Fasa	Perkara	Kaedah Pengumpulan Data
Fasa I	Tinjauan awal dan analisis keperluan	Soal selidik
Fasa II	Reka bentuk elemen pembentukan aplikasi kosa kata bahasa Arab <i>Mufradati</i>	Analisis dokumen
Fasa III	Penilaian aplikasi	Pengesahan pihak berautoriti seperti UiTM dan pakar-pakar bidang akademik terhadap pembangunan aplikasi

Data yang terkumpul dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 28 melibatkan kekerapan, peratusan dan min. Pendekatan statistik deskriptif ini diaplikasikan dalam kajian ini untuk mendapatkan nilai yang tepat. Jadual 2 menunjukkan interpretasi skor min yang diadaptasi daripada Nunnally dan Bernstein (1994) sebagai rujukan untuk menghuraikan dapatan kajian.

**Jadual 2.** Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Demografi Responden

**Jadual 3.** Demografi responden

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	38	26.3%
Perempuan	106	73.6%
Jumlah	144	100%

Di dalam Jadual 3, dapatan menunjukkan responden kajian terdiri daripada lelaki (26.3%) seramai 38 orang dan perempuan (73.6%) sebanyak 106 orang.

### Kemudahan Capaian Internet

**Jadual 4.** Kemudahan capaian internet

Jantina	Bilangan	Peratus
Akses internet berwayar	24	16.7%
Internet (WiFi/Wireless)	108	75%
Langganan internet jalur lebar (Broadband)	12	8.3%
Jumlah	144	100%

Di dalam Jadual 4, kemudahan capaian internet di kalangan responden lebih cenderung kepada akses internet secara wifi atau tanpa wayar dengan bilangan seramai 108 orang (75%). Secara rasionalnya, capaian internet berbentuk wifi atau tanpa wayar ini lebih mudah untuk dijanginkan menerusi apa jua peranti sama ada telefon pintar atau computer riba. Kemudian, disusuli dengan capaian internet berwayar menunjukkan bilangan kedua tertinggi dengan nilai sebanyak 24 responden (16.7%). Penggunaan internet jalur lebar (*broadband*) mencatatkan angka sebanyak 12 responden (8.3%). Justeru, ini menunjukkan penggunaan internet berbentuk wifi atau tanpa wayar lebih selesa dan memudahkan buat para responden.

### Keperluan Terhadap Kandungan yang Dimuatkan di Dalam Aplikasi Kos Kata

**Jadual 5.** Keperluan terhadap kandungan yang dimuatkan di dalam aplikasi kosa kata

Item	STS	TS	N	S	SS	Min
Senarai perkataan berdasarkan unit	0 (0%)	1 (0.7%)	46 (31.9%)	82 (56.9%)	15 (10.4%)	3.77
Sebutan perkataan	0 (0%)	2 (1.4%)	37 (25.7%)	83 (57.6%)	22 (15.3%)	3.87
Ejaan perkataan	0 (0%)	0 (0%)	36 (23.6%)	84 (59.7%)	24 (16.7%)	3.93
Makna perkataan	0 (0%)	1 (0.7%)	30 (20.8%)	73 (50.7%)	40 (27.8%)	4.06
Contoh penggunaan kosa kata dalam konteks ayat beserta sebutan dan makna	1 (0.7%)	2 (1.4%)	31 (21.5%)	71 (49.3%)	39 (27.1%)	4.01
Latihan pengukuhan	1 (0.7%)	2 (1.4%)	34 (23.6%)	75 (52.1%)	32 (22.2%)	3.94
Permainan bahasa (kosa kata)	0 (0%)	0 (0%)	35 (24.3%)	76 (52.8%)	33 (22.9%)	3.99
Paparan menu	0 (0%)	0 (0%)	27 (18.8%)	87 (60.4%)	30 (20.8%)	4.02
<i>Background</i>	0 (0%)	2 (1.4%)	43 (22.2%)	84 (58.3%)	26 (18.1%)	3.93
Butang navigasi	0 (0%)	3 (2.1%)	28 (19.4%)	83 (57.6%)	30 (20.8%)	3.97



Muzik	1 (0.7%)	3 (2.1%)	36 (25.0%)	81 (56.3%)	23 (16.0%)	3.85
Animasi	0 (0%)	1 (0.7%)	30 (20.8%)	86 (59.7%)	27 (18.8%)	3.97
Gambar (2D)	0 (0%)	1 (0.7%)	35 (24.3%)	84 (58.3%)	24 (16.7%)	3.91
Elemen gamifikasi (scoreboard)	0 (0%)	2 (1.4%)	28 (19.4%)	82 (56.9%)	32 (22.2%)	4.00
Elemen gamifikasi (point)	0 (0%)	3 (2.1%)	27 (18.8%)	83 (57.6%)	31 (21.5%)	3.99
Elemen gamifikasi (level)	0 (0%)	1 (0.7%)	28 (19.4%)	81 (56.3%)	34 (23.6%)	4.03
Elemen gamifikasi (feedback)	0 (0%)	3 (2.1%)	30 (20.8%)	84 (58.3%)	27 (18.8%)	3.94
Elemen gamifikasi (timing)	0 (0%)	1 (0.7%)	28 (19.4%)	91 (63.2%)	24 (16.7%)	3.96
Interaksi/tindak balas	0 (0%)	1 (0.7%)	27 (18.8%)	85 (59.0%)	31 (21.5%)	4.01
Jumlah						3.95

Berdasarkan Jadual 5, para responden menyatakan beberapa keperluan terhadap kandungan yang perlu ada di dalam aplikasi kosa kata Arab. Sebanyak 19 item menjadi kandungan yang perlu dimuatkan di dalam aplikasi ini. Sebanyak lima item merekodkan nilai skor min dengan tahap interpretasi tinggi iaitu makna perkataan (4.06), contoh penggunaan kosa kata dalam konteks ayat beserta sebutan dan makna (4.01), paparan menu (4.02), elemen gamifikasi (level) (4.03) dan interaksi atau tindak balas (4.01). Dalam hal ini, item makna perkataan (4.06) merekodkan skor min tertinggi dan ia bertepatan dengan konsep kosa kata yang memerlukan kepada pengetahuan terhadap makna sesuatu perkataan. Diikuti item contoh penggunaan kosa kata dalam konteks ayat beserta sebutan dan makna (4.01) turut menguatkan lagi keperluan item ini untuk diwujudkan di dalam aplikasi ini. Ini kerana makna bagi sesebuah kosa kata juga memerlukan contoh-contoh bagaiman ia digunakan.

Seterusnya, item paparan menu, elemen gamifikasi dan interaksi merujuk kepada elemen yang perlu ada di dalam aplikasi sebagai elemen yang mengadaptasikan teknologi dalam kosa kata. Item-item lain yang dinyatakan oleh responden menunjukkan skor min di antara 3.01 hingga 4.00 dengan interpretasi sederhana tinggi. Oleh itu, keperluan item-item tersebut adalah satu persetujuan yang relevan dalam kalangan responden untuk dimuatkan di dalam aplikasi.

Secara keseluruhannya, para responden memberikan refleksi positif terhadap soal selidik yang telah diedarkan. Respon yang diterima menggambarkan tahap keperluan platform teknologi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab adalah positif dan ia juga menerima sambutan yang mengalakkan. Oleh hal yang demikian, ini membawa kepada satu persepakatan dalam kalangan responden yang menjurus kepada keperluan terhadap kewujudan aplikasi kosa kata Arab untuk dijadikan platform pembelajaran masa kini. Perkara ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Cahyani et.al (2021) bahawa reka bentuk kosa kata bahasa Arab yang ingin dibangunkan ini boleh membantu kosa kata dan pemahaman para

pelajar.

Tambahan lagi, dapatan kajian ini mendapati rata-rata tahap penerimaan responden terhadap platform yang berorientasikan teknologi berada di tahap sederhana tinggi. Lantas, ia menjadi penanda aras yang menunjukkan penerimaan responden terhadap medium teknologi adalah amat memberangsangkan untuk meningkatkan motivasi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Hal ini selaras dengan kenyataan yang disebut oleh Kesuma (2021) iaitu pendekatan dan media pembelajaran harus dikembangkan supaya para pelajar tidak bosan dengan pendekatan yang dilaluinya. Perkembangan teknologi justeru perlu diberikan penekanan dalam membangunkan platform pembelajaran yang kondusif lebih-lebih lagi yang menggunakan teknologi berasaskan telefon mudah alih yang dimonopoli golongan muda.

Bertepatan dengan peredaran zaman ini, dunia pendidikan dilihat semakin berkembang merentasi tanpa sempadan dengan kehadiran teknologi. Proses pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang dimanfaatkan menerusi pelbagai platform teknologi mendapat perhatian yang lebih daripada generasi masa kini lebih-lebih lagi menerusi penggunaan telefon pintar atau mudah alih. Ia menjadikan proses pembelajaran kosa kata lebih fleksibel dan ia boleh dipelajari pada bila-bila masa dan pelbagai tempat kerana semuanya berada di hujung jari, sebagaimana yang dinyatakan oleh Chrisnawati dan Nugroho (2023). Dengan mengaplikasikan teknologi, ia mampu mendukung perkembangan teknologi dalam pendidikan. Pembelajaran seperti ini dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab yang disajikan secara visual dan berteknologi. Sehubungan itu, dapatan kajian ini juga disokong dan diperkukuhkan oleh beberapa kajian lain terhadap aplikasi, prototaip atau pembangunan aplikasi pembelajaran kosa kata bahasa Arab menerusi platform teknologi seperti Che Hat et.al (2022), Maharani dan Warmansyah (2022), Parihin et.al (2022), Alfian (2020) dan Jasni et.al (2020).

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian menjawab persoalan mengenai keperluan elemen media dan teknologi di dalam aplikasi kosa kata bahasa Arab. Jelas, elemen media dalam pembelajaran kosa kata adalah sesuatu yang menyeronokkan apatah lagi setelah dijalinkan bersama elemen teknologi. Proses pembelajaran kosa kata bahasa Arab juga boleh dipelbagaikan lagi dengan kreativiti dan juga inovasi yang boleh dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Keperluan elemen media dalam pembelajaran bukan sahaja untuk meningkatkan motivasi malah boleh meningkatkan minat para pelajar khususnya para pelajar di UiTM Kedah untuk lebih fleksibel dan santai ketika menikmati proses pembelajaran sambil membantu meningkatkan kemahiran kosa kata bahasa Arab mereka.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini hasil daripada penyelidikan Geran Penyelidikan MyRA Universiti

Teknologi MARA (UiTM) bertajuk Pembangunan Aplikasi Kosakata Bahasa Arab Komunikasi *Mufradati* Pelajar UiTM (600-RMC/GPM LPHD 5/3 (188/2021). Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada UiTM kerana membiayai penyelidikan ini dan jutaan terima kasih kepada responden yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## **BIODATA**

Muhamad Khairul Anuar Zulkepli ialah pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. Bidang kajian beliau adalah berkaitan retorik Arab, linguistik Arab, semantik Arab, leksikografi Arab, sintaksis dan morfologi Arab, analisis wacana Arab.

Mohd Zulkhairi Abd. Hamid ialah pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. Bidang kajian beliau adalah berkaitan bahasa Arab.

Burhanuddin Wahab ialah pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. Bidang kajian beliau adalah berkaitan bahasa Arab.

Ahmad Fauzi Yahaya ialah pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. Bidang kajian beliau adalah berkaitan bahasa Arab.

Norhayuza Mohamad ialah pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Bidang kajian beliau adalah berkaitan linguistik Arab, pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Arab, pragmatik.

## **RUJUKAN**

- Alfian, A. N. (2020). Aplikasi media pembelajaran pengenalan kosakata harian bahasa arab dengan metode multimedia development life cycle (mdlc). *Information Management For Educators And Professionals* 5(1), 95-104.
- Azzikri, M. H. (2019). Pengembangan m-kamus istilah penelitian dalam bahasa arab bagi mahasiswa pendidikan bahasa arab universitas negeri semarang. *LISANIA: Journal of Arabic Education and Literature*, 3(2), 128-142.
- Cahyani, A., Fauzan, M., Putri, K. A. R., Larasati, A. D., Sakdiyah, N. H., Tohuri, A. (2021). Arabic vocabulary: konsep aplikasi berbasis augmented reality untuk meningkatkan penguasaan kosakata bahasa arab. *Journal of Language, Literature, and Arts* 1(8), 1158-1170.
- Chrisnawati, G., Nugroho, F. P. (2023). Aplikasi pembelajaran interaktif bahasa arab dasar untuk anak berbasis android. *Journal on Education* 5(2), 3620-3624.
- Che Hat, N., Zailani, M. A., Hussin, Z., Noor, S. S. M., Osman, N. (2022). Penilaian formatif perisian kursus pembelajaran kosakata bahasa arab bagi murid

- sekolah rendah (i-koba). *al- Qanatir International Journal of Islamic Studies* 25(2), 64-79.
- Ewais, A. & Troyer, O. De. (2019). A usability and acceptance evaluation of the use of augmented reality for learning atoms and molecules reaction by primary school female students in palestine. *Journal of Educational Computing* 57(7), 1-27.
- Hapsari, G. P. P., Zulherman. (2021). Pengembangan media video animasi berbasis aplikasi canva untuk meningkatkan motivasi dan prestasi belajar siswa. *Jurnal BASICEDU* 5(4), 2384-2394.
- Husain, N. S. & Mohamad, N. (2020). Saiz kosa kata bahasa arab dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda bahasa arab komunikasi professional, uitm. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics* 4(2), 38-62.
- Jasni, S. R., Ahmad, S. Z., Zainal, H. (2020). Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1), 10-21.
- Kesuma, M. K., Kesuma, C. G., Saputra, D. (2021). Rancangan media pembelajaran kosa kata (mufrodat) bahasa arab berbasis game android. *SIENNA* 2(1), 32-42.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W., (1970). *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Maharani, D. & Warmansyah, J. (2022). Pengembangan video pembelajaran untuk pengenalan kosa kata bahasa arab anak usia dini berbasis aplikasi inshot. *JOSTECH: Journal of Science and Technology* 2(1), 61-74.
- Nunnally. J.C. & Bernstein. I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill
- Nurahimah, M. Y. & Muhammad. Y. (2016). Analisis fuzzy delphi terhadap peluang pelaksanaan m-pembelajaran dalam kalangan pensyarah di institut pendidikan guru malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 11, 32-50.
- Nur, S. J., Murli, N. (2022). Pembangunan aplikasi salam arabic. *Applied Information Technology and Computer Science* 3(1), 60-74.
- Parihin., Wijayanti, H. N., Masaji, L., Pebriawati, T. W., Warseto, A. (2022). Meningkatkan penguasaan kosakata bahasa arab siswa madrasah tsanawiyah menggunakan game interaktif kuiz pro-b.arab berbasis android. *Jurnal Riset Teknologi dan Inovasi Pendidikan* 5(2), 149-158.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK  
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**  
Timbalan Ketua Pustakawan

*nar*

*Setuju.*

*27.1.2023*

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR